



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 512 Pt.1 (1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

19 Februari 2024
09 Syaaban 1445H

SEMUA JURUUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN KADAR BAHRU CUKAI PERKHIDMATAN (SST) 8% DI LEMBAGA JURUKUR TANAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, mana-mana Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang mempunyai nilai perkhidmatan bercukai sama ada digabungkan atau tunggal melebihi RM 500,000.00 hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
3. Dalam hubungan ini, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) telah mengeluarkan pengumuman rasmi di portal MySST, JKDM berkenaan perubahan kadar cukai perkhidmatan (SST) dari 6% ke 8% yang akan berkuatkuasa bermula pada **1 Mac 2024**.
4. Dengan perubahan tersebut, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diambil maklum dan diberi perhatian oleh JTB sepetimana berikut:

- a. **Pendepositan bayaran fi ukur diterima LJT bermula daripada 1 Mac 2024**
 - i. Kadar cukai SST yang perlu didepositkan kepada LJT bersama dengan bayaran fi ukur hakmilik adalah tertakluk kepada kadar cukai SST 8%.

- ii. Kemasukan data di dalam borang LJT700/710/800/810 bagi kerja-kerja tersebut adalah tertakluk kepada kiraan kadar baharu SST sebanyak 8% secara automatik.
- iii. Caj SST sebanyak 8% yang diterima melalui borang LJT700/710/800/810 yang teratur dan diluluskan oleh LJT akan dikembalikan sepenuhnya kepada JTB untuk proses pembayaran kepada JKDM.
- iv. JTB adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat pembayaran SST yang diterima kepada JKDM.
- v. Dalam hubungan ini, pihak LJT tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang mungkin akan ditanggung JTB sekiranya amaun SST sebanyak 8% yang dikembalikan tidak menepati kadar SST semasa.

b. Pendepositan Bayaran Fi Ukur Diterima LJT Sebelum 1 Mac 2024

- i. JTB boleh mendaftarkan kerja ukur tersebut dengan menggunakan borang LJT700/710/800/810 berdasarkan kepada kadar cukai SST semasa pendepositan tersebut dibuat kepada LJT iaitu sebanyak 6%.
- ii. Caj SST sebanyak 6% yang diterima melalui borang LJT700/710/800/810 yang teratur dan diluluskan oleh LJT samaada sebelum ataupun selepas 1 Mac 2024 akan dikembalikan sepenuhnya kepada JTB sebanyak 6% untuk proses pembayaran kepada JKDM.
- iii. JTB adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat pembayaran SST yang diterima kepada JKDM.
- iv. Dalam hubungan ini, pihak LJT tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang mungkin akan ditanggung JTB sekiranya amaun SST sebanyak 6% yang dikembalikan tidak menepati kadar SST semasa.

c. Borang-borang LJT700/710/800/810 berstatus “DATA ENTRY” sebelum 1 Mac 2024.

- i. Borang-borang LJT700/710/800/810 yang berstatus “DATA ENTRY” bagi kiraan fi ukur yang dibuat **sebelum 1 Mac 2024** akan dikategorikan sebagai “REJECTED” secara automatik bermula **1 Jun 2024**.
- ii. Borang-borang LJT700/710/800/810 yang dikategorikan sebagai “REJECTED” ini perlu diisi semula oleh JTB dengan menggunakan borang baharu dan ianya adalah tertakluk kepada kadar cukai SST semasa sebanyak 8%.
- iii. Dalam hubungan ini, LJT tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang mungkin akan ditanggung oleh JTB sekiranya borang-borang tersebut dikategorikan sebagai “REJECTED” selepas **1 Jun 2024**.

5. Selaras dengan itu, adalah diingatkan bahawa JTB sebagai penyedia perkhidmatan yang berdaftar di bawah SST, adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan dokumen kepada JKDM untuk tujuan pelaporan dan pengauditan SST. Sebarang kesalahan atau kesilapan berkaitan SST adalah tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018 di bawah kuasa JKDM.

6. JTB boleh merujuk terus kepada pihak JKDM sekiranya terdapat pertanyaan lanjut yang diperlukan berkaitan dengan pelaksanaan kadar SST baharu ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

PENGUMUMAN OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA MELALUI PORTAL
<https://mysst.customs.gov.my/>



ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

ANNOUNCEMENT

CHANGES IN RATE OF TAX UNDER SERVICE TAX ACT 2018

Effective from 01 March 2024, the rate of service tax under the Service Tax Act 2018 is increased from 6 % to 8% on all taxable services excluding food & beverage services, telecommunication services, provision of parking spaces services and logistics services.

Credit card and charge card services remain at a specific rate of RM25/year.

*Disclaimer: This information is subject to change from time to time.

